



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 5/2026

ISNIN, 25 MEI 2026 (8 ZULHIJAH 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya

Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urus bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. KELESTARIAN BANDAR RAYA PETALING JAYA: 2 DEKAD MENGORAK MASA HADAPAN

20 tahun pengiktirafan sebagai bandar raya menyaksikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus memperkukuh agenda pembangunan mampan berteraskan kesejahteraan rakyat, kemajuan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar. Selari dengan aspirasi bandar pintar dan rendah karbon, pelbagai inisiatif lestari telah dilaksanakan bagi memastikan Petaling Jaya kekal sebagai sebuah bandaraya berdaya huni, inklusif dan berdaya tahan.

Tatkala meniti tempoh berkenaan, pelbagai cabaran suka duka serta pahit getir yang berjaya ditempuhi Majlis dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan dan keharmonian untuk warga Petaling Jaya kekal utuh.

Sepanjang dua dekad, Petaling Jaya berjaya meraih pelbagai pengiktirafan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa dalam aspek pengurusan bandar, inovasi, kelestarian, landskap, teknologi dan kesejahteraan komuniti. Kejayaan ini mencerminkan komitmen berterusan seluruh warga kerja MBPJ serta kerjasama strategik bersama komuniti dan pemegang taruh.

Memasuki dekad baharu, Petaling Jaya akan terus melangkah ke hadapan dengan memperkukuh agenda kelestarian, memperhebat transformasi digital serta mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan demi memastikan bandaraya ini terus unggul, sejahtera dan lestari untuk semua.

Seiring dengan kepesatan pembangunan global dan arus kemodenan, MBPJ terus bergerak maju ke hadapan. Pelbagai anugerah, kejayaan dan pengiktirafan diterima dari dalam negara dan luar negara menjadi mercu tanda kecemerlangan. Majlis kekal fokus dan beriltizam untuk membangunkan bandar raya Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan.

Saban tahun, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya pada tanggal 20 Jun. Detik dan waktu ketika diisytiharkan status bandar raya masih kekal dan segar dalam minda masyarakat Petaling Jaya.

Sambutan 20 tahun bandar raya bukan sekadar simbolik kepada pencapaian lalu, tetapi menjadi titik permulaan kepada aspirasi yang lebih besar untuk masa hadapan. Dengan semangat reformasi, inovasi dan tadbir urus yang cekap, Petaling Jaya akan terus memperkukuh kedudukannya sebagai bandaraya contoh yang progresif, lestari dan berorientasikan rakyat.

3. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA METERAI MOU NAIKTARAF SISTEM PERPARITAN, PERKUKUH USAHA TEBATAN BANJIR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kelab Golf Negara Subang (KGNS) bagi melaksanakan projek naik taraf sistem perparitan di Jalan SS 7/2, SS 7, dalam usaha memperkukuh langkah tebatan banjir di kawasan Kelana Jaya.

Inisiatif ini merupakan langkah proaktif MBPJ dalam menangani isu banjir secara lebih menyeluruh dan berimpak tinggi, khususnya di kawasan berisiko. Projek naik taraf sistem perparitan ini juga merupakan usaha berterusan MBPJ dalam memperkukuh infrastruktur saluran sedia ada, khususnya di kawasan berisiko seperti Kelana Jaya. Ia bukan sahaja bertujuan mengurangkan risiko banjir, malah memberi penekanan kepada aspek keselamatan awam dan kesejahteraan penduduk.

Kerjasama strategik bersama KGNS yang membenarkan penggunaan tanah pajakan tanpa sebarang pampasan atau sewaan mencerminkan komitmen tinggi sektor swasta dalam menyokong agenda pembangunan bandar. Projek ini melibatkan penggunaan tanah seluas kira-kira 3,150 meter persegi dengan jajaran sepanjang 630 meter, yang akan dimanfaatkan bagi pelaksanaan sistem perparitan baharu mengikut spesifikasi teknikal yang ditetapkan.

MBPJ komited melaksanakan projek ini secara profesional dan terancang dengan skop kerja merangkumi pembinaan sistem perparitan, pemasangan pagar anti-panjat serta jaring keselamatan, selain pembinaan semula laluan pacu lasak di kawasan terlibat. Pelaksanaan projek ini akan dikendalikan oleh kontraktor yang dilantik, dengan perlindungan insurans pihak ketiga bagi menjamin keselamatan pekerja, harta milik KGNS serta orang awam sepanjang tempoh pelaksanaan.

Sejurus projek siap sepenuhnya, kemudahan seperti pagar, jaring keselamatan dan laluan pacu lasak akan diserahkan kepada KGNS untuk tujuan penyelenggaraan berkala dan pemantauan keselamatan. Kerjasama ini dijangka berlangsung **sehingga 13 Mac 2055**.

MBPJ turut menzahirkan penghargaan kepada KGNS dan PPGS atas sokongan serta kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan projek ini. MoU ini mencerminkan kerjasama strategik yang kukuh antara sektor awam dan swasta, sekali gus memperkukuh komitmen berterusan dalam membangunkan bandar yang lebih selamat, mampan dan berdaya tahan.

4. MBPJ PERGIAT TINDAKAN TANGANI BANJIR KILAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menegaskan komitmen berterusan dalam menangani isu banjir kilat di Jalan 223 serta kawasan sepanjang Sungai PENCHALA menerusi pelaksanaan tindakan segera, langkah mitigasi proaktif dan penyelarasan bersepadu bersama agensi berkaitan demi menjaga keselamatan serta kebajikan penduduk dan peniaga terjejas.

Susulan kejadian banjir kilat yang berlaku pada 6 Mei 2026, MBPJ telah melaksanakan pemantauan rapi di lokasi berisiko selain mempertingkatkan kesiapsiagaan operasi bagi mengurangkan impak terhadap kawasan terlibat.

Hasil semakan awal mendapati kejadian tersebut berpunca daripada taburan hujan luar biasa tinggi bermula dari kawasan hulu di Kuala Lumpur dimana bacaan taburan hujan melebihi 60mm (violent shower) yang menyebabkan peningkatan mendadak paras air Sungai PENCHALA sehingga berlaku limpahan ke kawasan sekitar termasuk Jalan 223.

Bagi memastikan isu ini ditangani secara menyeluruh, MBPJ telah mengadakan lawatan tapak melibatkan jabatan teknikal MBPJ, Ahli Majlis Zon, wakil penjaja Gerai Selera Jaya 223 serta wakil pihak JPS pada 8 Mei 2026 bagi menyelaraskan tindakan susulan di lokasi terjejas.

MBPJ turut berkoordinasi rapat bersama bagi mempercepat pelaksanaan tindakan teknikal dan penambahbaikan sistem saluran di

kawasan berkaitan. Pihak JPS Selangor telah mengarahkan pihak pemaju supaya mengangkat jambatan besi sementara serta membetulkan ketinggian lantai jambatan dan kedudukan struktur bagi mengelakkan aliran air sungai memasuki semula sistem perparitan MBPJ (backflow).

Selain itu, pihak pemaju turut diarahkan mengemukakan dengan segera pelan cadangan naik taraf longkang Parit Hujan Lebat (PHL) di bahagian upstream dan downstream untuk semakan serta kelulusan sebelum kerja-kerja pelaksanaan dimulakan. Pemaju juga dikehendaki melaksanakan kerja naik taraf PHL di bahagian upstrea

Pada masa sama, MBPJ telah melaksanakan beberapa langkah mitigasi segera termasuk pembersihan halangan di laluan air, penambahbaikan aliran sementara dan pemantauan berterusan di kawasan kritikal khususnya ketika hujan lebat bagi memastikan tindakan pantas dapat diambil sekiranya berlaku peningkatan paras air.

Sebagai langkah kesiapsiagaan tambahan, MBPJ turut mengintegrasikan penggunaan sistem pintar water level sensor bersama kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi berisiko bagi mengesan kenaikan paras air sungai secara masa nyata. Sistem tersebut akan mengaktifkan siren amaran awal sebagai peringatan kepada peniaga dan orang awam supaya langkah keselamatan segera dapat diambil.

Prihatin terhadap kesan yang ditanggung peniaga terlibat, MBPJ juga bersetuju memberikan pengecualian bayaran sewa selama dua bulan bagi tempoh Mei hingga Jun 2026 kepada peniaga Gerai Selera Jaya 223 yang terkesan akibat kejadian banjir kilat tersebut.

MBPJ akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama JPS, pihak pemaju dan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan penyelesaian jangka panjang yang lebih komprehensif dan bersepadu demi mengurangkan risiko kejadian banjir berulang di kawasan berkenaan.

Antara kerangka jangka masa panjang dengan mengambilkira ketidakmampuan sungai penchala sediaada untuk menampung kadar hujan luar jangka akibat dari perubahan iklim semasa. Pihak JPS sedang merangka pembinaan *floodwall* dengan ketinggian yang sesuai dan dalam masa sama pihak Majlis merangka pembinaan SKaLiS di 7 Outlet Parit Hujan Lebat (PHL) Majlis ke Sungai bagi mengurangkan risiko banjir kilat didalam kawasan pentadbiran MBPJ.

Orang awam turut dinasihatkan agar sentiasa berwaspada terutama ketika hujan lebat serta segera melaporkan sebarang kejadian banjir kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan pantas diambil demi keselamatan semua pihak. Orang awam juga dinasihatkan supaya tidak meredah kawasan yang dinaiki air bagi mengelakkan sebarang kemungkinan kejadian yang tidak diingini.

5. **TOY LIBRARY : PERKASA BANDAR MESRA KANAK-KANAK**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dengan menjadikan Perpustakaan Permainan *Toy Library* @Pangsapuri Petaling Perdana, Jalan PJS 1/21, Taman Petaling Utama dan Apartment Desa Mutiara, Jalan PJU 7/15B, Mutiara Damansara sebagai sebahagian daripada komitmen Majlis dalam memperkukuh agenda Bandar Mesra Kanak-Kanak di bandar raya ini.

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ dalam melaksanakan agenda Child Friendly Cities Initiative (CFCI) bersama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bagi mewujudkan persekitaran bandar yang lebih inklusif, selamat dan kondusif untuk perkembangan kanak-kanak.

Konsep *Toy Library* berteraskan pendekatan “bermain adalah pembelajaran” yang mengiktiraf aktiviti bermain sebagai medium penting dalam perkembangan kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak. Kemudahan *Toy Library* ini juga secara tidak langsung menjadi medium pembangunan sahsiah dan kreativiti kanak-kanak melalui aktiviti pembelajaran interaktif dalam suasana yang kondusif dan menyeronokkan. Inisiatif ini juga diyakini mampu memperkukuh hubungan komuniti setempat serta memupuk budaya kejranaan yang lebih aktif, prihatin dan harmoni.

Pembangunan *Toy Library* dilaksanakan menerusi pendekatan partisipatif komuniti melalui sesi libat urus bersama penduduk, ibu bapa serta kanak-kanak setempat. Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya (PJ Child Council) juga memainkan peranan penting dalam proses mereka bentuk konsep perpustakaan permainan berkenaan.

Toy Library @Apartment Desa Mutiara merupakan *Toy Library* kelima yang dibangunkan bersama komuniti di Petaling Jaya. Sebelum ini, MBPJ telah membangunkan kemudahan sama di **Apartment Idaman, Damansara Damai, PPR Lembah Subang 2, Flora Damansara** dan **Pangsapuri Petaling Perdana, PJS 1/21**.

Bagi memperluaskan manfaat inisiatif tersebut, MBPJ turut merancang membangunkan tiga lagi *Toy Library* baharu di **Blok 3 Flat Desa Mentari, Flat PKNS Taman Dato' Harun** serta **Flat Desaria Fasa 5A dan 5B**.

Majlis berharap kemudahan *Toy Library* ini dapat menjadi medium pembangunan sahsiah dan kreativiti kanak-kanak melalui aktiviti pembelajaran interaktif dalam suasana yang kondusif dan menyeronokkan. Inisiatif tersebut juga diyakini mampu memperkukuh hubungan komuniti setempat serta memupuk budaya kejranaan yang lebih aktif, prihatin dan harmoni.

6. **MEMPERKASA DAYA KREATIF DAN INOVASI**

Perkembangan dan kemajuan sesebuah organisasi dalam mengurus dan mentadbir bergantung kepada beberapa faktor antaranya strategi, struktur dan budaya organisasi berkenaan. Strategi dalam konteks inovasi adalah mencari kaedah dan cara terbaik bagi mencapai matlamat organisasi.

Melaluinya juga, usaha memperkasa daya kreativiti dan inovasi boleh diterapkan dalam kalangan pekerja bagi menjana idea-idea dan kaedahkaedah baru yang bersesuaian dengan matlamat dan kehendak sesebuah organisasi.

Usaha pemupukan daya inovasi dalam kalangan penjawat awam wajar diteruskan supaya pemahaman dan pelaksanaan daya kreativiti ini digalakkan ke peringkat nasional dan global bagi menggalakkan daya saing negara secara sihat.

Dalam menyuburkan daya dan budaya inovasi dan kreativiti ini, bekerja secara berpasukan dengan penuh integriti dilihat sebagai aspek penting dalam membantu sesebuah organisasi berada dalam skor cemerlang. Sewajarnya, budaya dan cara sebegini tiada titik noktah.

Majlis menyahut usaha untuk memperkasakan dan membudayakan daya inovatif dan kreativiti dalam aspek pengurusan dan teknikal. Usaha setiap jabatan/unit mengadakan kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) wajar dipuji.

7. PELAKSANAAN SISTEM iSEKAT MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus komited dalam memperkukuhkan tadbir urus dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui pelaksanaan sistem iSekat.

Untuk makluman, MBPJ telah melaksanakan iSekat sejak tahun 2007 bagi menyemak tunggakan kompaun pelbagai kesalahan sebelum proses pembaharuan lesen diluluskan. Selaras dengan usaha pendigitalan dan penambahbaikan sistem perkhidmatan, bermula tahun 2023 MBPJ telah memperluaskan fungsi iSekat dengan memasukkan semakan kompaun kesalahan lalu lintas.

Melalui pelaksanaan ini, semua pelesen dikehendaki menjelaskan sepenuhnya tunggakan kompaun sebelum permohonan lesen baharu atau pembaharuan lesen dapat diproses. Sehingga 6 Mei 2026, sebanyak 2,712 kompaun tertunggak melibatkan jumlah RM1,334,430 masih belum dijelaskan. Oleh itu, pelesen yang belum memperbaharui lesen tahun 2026 serta yang akan memperbaharui lesen pada tahun hadapan akan tertakluk kepada semakan menyeluruh ke atas semua jenis kompaun tertunggak.

Selain semakan kompaun bagi kesalahan sampah kediaman, MBPJ juga telah menyediakan fungsi semakan tunggakan bil pemetongan rumput sebelum bayaran cukai taksiran dibuat. Langkah ini dilaksanakan kerana Majlis telah menanggung kos kerja-kerja

pemotongan rumput dan pokok di premis atau kawasan kediaman yang terbiar. Sehingga kini, tunggakan bil pemotongan rumput telah mencecah RM1,036,500.52 melibatkan 513 pemilik premis yang masih belum menjelaskan bayaran bil potong rumput.

Selain urusan pembaharuan lesen dan pembayaran cukai taksiran, MBPJ juga melaksanakan semakan tunggakan kompaun bagi permohonan sewaan premis milik Majlis. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ untuk memperkukuhkan pengurusan hasil serta meningkatkan tahap pematuhan orang awam terhadap pembayaran kompaun dan bil tertunggak.

MBPJ akan terus melaksanakan penambahbaikan sistem dan proses secara berterusan, termasuk memperluaskan pelaksanaan iSekat ke perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan, sebagai inisiatif bagi memastikan kutipan hasil Majlis dapat dipertingkatkan demi kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, berkualiti dan berkesan kepada warga Petaling Jaya.

Sehubungan itu, orang ramai disarankan untuk membuat semakan dan pembayaran tunggakan lebih awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan dalam urusan di MBPJ. Semakan serta pembayaran boleh dibuat melalui semua saluran bayaran MBPJ termasuk di kaunter MBPJ, kiosk serta portal ePay@MBPJ.

Semoga pelaksanaan inisiatif ini dapat meningkatkan tahap pematuhan, memperkukuhkan pengurusan hasil Majlis serta mewujudkan budaya masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti.

8. *PJ WATCH* : PROGRAM BERTERASKAN PENDIDIKAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Pelaksanaan Program PJ Watch diteruskan dengan rangka kerja yang sistematik di dalam mengekang salah laku pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya.

Program yang berteraskan pendidikan, pemantauan serta penguatkuasaan secara bersasar ini terus menerima maklumbalas positif di dalam pelaksanaannya khusus di kawasan – kawasan tumpuan awam melalui inisiatif hebahan, reruai, *PJ Watch @Taman* serta *PJ Watch @School* ke arah menjadikan Petaling Jaya Mampan dan Bahagia 2030. Perkongsian status pelaksanaan pada sepanjang tahun 2026 (setakat Mei) adalah seperti berikut :

- a) Jumlah Lokasi Hotspot Sampah Haram : 25 Lokasi
- b) Jumlah Hotspot Yang Dilengkapi CCTV Bergerak : 17 Lokasi
- c) Jumlah Penemuan Kes Melalui CCTV : 19 Kes
- d) Jumlah Kompaun : 182 Kompaun
- e) Jumlah Tangkapan : 78 kes
- f) Jumlah Hebahan Media Sosial : 11 Kali

g) Program Pendidikan : 10 Kali

h) Jumlah Kes Pendakwaan : 2 kes jatuh hukum

Majlis akan meningkatkan tahap rondaan dan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu pembuangan sampah haram mengikut perundangan yang digunapakai.

Sehubungan dengan itu, MBPJ menyeru agar warga Petaling Jaya sentiasa komited di dalam menjaga kelestarian bandar raya demi kesejahteraan serta kebahagiaan penduduk.

Aidiladha adalah hari kebesaran yang disambut oleh umat Islam di seluruh dunia dengan penuh keinsafan dan pengertian yang besar. Kisah dan sejarah pengorbanan agung Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anakanda Baginda, Nabi Ismail Alaihissalam menjadi iktibar yang perlu sentiasa dihayati dalam kita menghadapi cabaran kehidupan seharian.

Sempena Hari Raya Aidiladha ini, marilah kita hayati erti sebenar sebuah pengorbanan dan keikhlasan. Semoga ibadah kita diberkati dan doa dimakbulkan

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahilhamd.

Sekian, terima kasih.